

# Laporan BMF hak mutlak kerajaan

UM 17 DEC 1985

**K**UALA LUMPUR 16 Dis — Kerajaan mempunyai hak mutlak untuk menentukan sama ada laporan jawatankuasa penyiasat skandal pinjaman \$2.5 ribu juta Bumiputra Malaysia Finance (BMF) diumumkan kepada orang ramai, tegas Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri menjelaskan Bank Bumiputra cuma boleh menasihatkan sama ada laporan itu boleh didedahkan kepada umum atau tidak tetapi keputusan sepenuhnya terletak di tangan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat menyatakan sama

**Oleh Idzan Ismail**

ada laporan itu akan diumumkan kepada orang ramai oleh kerana beliau masih belum menerima laporan itu daripada Bank Bumiputra.

"Saya berpendapat kerajaan berhak menentukan perkara ini. Kita tidak boleh cuma melepaskan tanggungjawab kepada bank dan membiarkannya menanggungnya secara bersendirian.

"Kita perlu mendapatkan nasihat daripada Bank Bumiputra sama ada laporan itu boleh dihebahkan. Tetapi, ia cuma satu nasihat dan bukan satu arahan kepada kerajaan. Kita yang akan membuat keputusan," tambahnya semasa ditanya sama ada laporan itu akan diumumkan kepada ramai.

Perdana Menteri berkata demikian selepas melawat Hotel Pan Pacific - hotel 30 peratus kepunyaan UMNO

## Renungan

"DAN tidaklah sama kebaikan dan kejahatan, tolaklah kejahatan itu dengan cara yang lebih baik..."

Maksud Al-Quran surah Fussilat 34.

dan makan tengah hari ala Jepun di dewan makan "Keyaki" bersama Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah di sini.

Ditanya sama ada ini bermakna hak istimewa menentukan sama ada laporan itu akan diumumkan kepada ramai terletak di tangan kerajaan, beliau menjawab: "Ya".

Datuk Sri Dr. Mahathir menerangkan, laporan jawatankuasa penyiasat yang diketuai oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria adalah satu laporan untuk Bank Bumiputra dan oleh itu, beliau terpaksa menunggu bank itu menghantar laporan itu kepadanya.

Katanya, oleh kerana laporan itu amat tebal (1,075 muka) beliau perlu menunggu satu laporan ringkasan (summary) khusus untuk mengkajinya dengan mendalam.

"Saya belum menerima dan melihat laporan itu. Oleh kerana saya tidak tahu isi kandungannya, saya tidak boleh memberikan sebarang pandangan," katanya.

Perdana Menteri menekankan bahawa kerajaan mengarahkan Bank Bumiputra untuk mengkaji laporan itu oleh sebab kerajaan merupakan pemegang saham utama Bank Bumiputra.

LIHAT MUKA 6

## LAPORAN BMF HAK MUTIAK KERAJAAN

Tetapi pengurusan Bank Bumiputra masih terletak di tangan para pengurusnya, katanya ketika mengulas kritikan kononnya kabinet dan bukannya Bank Bumiputra sepatutnya memutuskan sama ada laporan itu perlu didedahkan kepada ramai.

Di tanya sama ada laporan itu akan dibawa ke dalam mesyuarat kabinet, Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab: "Saya tidak tahu lagi." "Mungkin ahli-ahli kabinet berminat hendak tahu," katanya.

Perdana Menteri berkata kabinet juga belum menerima laporan itu dan jikalau menerimanya sekalipun, satu taklimat perlu diadakan oleh kerana adalah sukar bagi kabinet bermesyuarat untuk mengkaji satu laporan yang tebalnya lebih 1,000 muka.

Apabila dijawab oleh pemberita bahawa semua berminat dengan laporan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir secara berseloroh berkata "Anda boleh tulis apa yang anda yakin."

Ekoran laporan terakhir jawatankuasa yang diedarkan minggu lalu kepada Bank Bumiputra, terdapat percanggahan pendapat di antara Tan Sri Ahmad Noordin dan Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman tentang sama ada laporan itu perlu didedahkan kepada umum.

Tan Sri Ahmad Noordin percaya laporan itu boleh diumumkan tanpa melanggar rahsia bank atau menjadi satu prasangka kepada orang yang dinamakan dalam laporan itu.

Tetapi, Tan Sri Abu Talib pula berpendapat secara peribadi beliau tidak bersetuju kerana ia akan mendedahkan prasangka terhadap pendakwaan dua orang bekas pegawai BMF, Lorraine Esme Osman dan Datuk Hashim Shamsuddin yang kini sedang ditahan di London.

Di samping itu, kerajaan juga menerima tekanan daripada berbagai pihak termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn supaya laporan itu diumumkan kepada orang ramai.